

**SILA LIHAT SENARAI EDARAN**

YBhg. Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PELAKSANAAN AKTIVITI EARTH HOUR BANDARAYA KOTA KINABALU 2011**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Untuk makluman Y.Bhg. Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu ( DBKK ) bersama Environment Action Centre ( EAC ) Kota Kinabalu akan menganjurkan Program Earth Hour Peringkat Bandaraya Kota Kinabalu. Ini merupakan tahun kedua DBKK mengadakan Earth Hour di bandaraya ini walaubagaimanapun secara rasminya bersama EAC adalah yang pertama kali seumpamanya. Tambahan pula, pengerusi EAC Kota Kinabalu yang dilantik oleh EAC Negeri Sabah ialah YBhg. Datuk Yeo Boon Hai yang juga Ketua Pengarah DBKK sendiri.

2. Pada tahun ini, Earth Hour dijalankan pada **26 Mac 2011 ( Sabtu ) Jam 8.30 malam - 9.30 malam**. Objektif utama program ini diadakan adalah :-

- Tanda sokongan DBKK kepada Kerajaan Malaysia untuk menjadikan Malaysia yang menuju ke arah amalan hidup HIJAU.
- Memupuk dan mendidik serta meningkatkan tahap kesedaran awam terhadap kepentingan menangani fenomena pemanasan global yang kian serius dewasa ini.
- Betapa pentingnya sokongan dan kerjasama daripada agensi kerajaan, swasta, para pengusaha perniagaan dan warga bandaraya dalam mengatasi masalah pemanasan global serta melihat betapa seriusnya mereka untuk bersama PBT dan EAC dalam usaha ini melalui persetujuan dan penyertaan mereka untuk melakukan earth hour seperti yang kita mahukan.
- Pengurangan penggunaan bekalan elektrik berlaku selama sejam earth hour ini.

3. Pelbagai tindakan dan aktiviti telah diatur untuk mendapatkan sokongan dan kerjasama semua pihak antaranya :-

- i. Sidang Media Pelaksanaan Earth Hour Peringkat Bandaraya
- ii. Pengedaran Risalah Earth Hour dan Borang Sokongan Melaksanakan Earth Hour
- iii. Pelaksanaan Earth Hour Bandaraya Kota Kinabalu Pada 26 Mac 2011

Sehubungan itu, DBKK amat berbesar hati jika pihak YBhg. Datuk / Datin/ Tuan / Puan dapat memberikan sokongan dalam melaksanakan Earth Hour ini di organisasi YBhg. Datuk / Datin/ Tuan / Puan. Borang Earth Hour sebagai tanda sokongan bolehlah diisi dengan lengkap dan dikembalikan kepada Urusetia

yang berkenaan. Borang dilampirkan bersama surat ini.

Perkara : **PELAKSANAAN AKTIVITI EARTH HOUR BANDARAYA KOTA KINABALU 2011**  
No. Rujukan : **DBKK/100-26/227(4)**  
Tarikh / M. Surat : **8 MAC 2011 / 2/2**

4. Selain itu, DBKK dan EAC turut memerlukan bantuan YBhg. Datuk / Datin/ Tuan / Puan untuk menyebarkan maklumat ini kepada kakitangan dan juga kepada individu atau organisasi di bawah kawalan YBhg. Datuk / Datin/ Tuan / Puan. Sokongan mereka kepada Earth Hour ini boleh dimajukan dengan mengisi borang yang sama ( salinan fotostat juga terima ) dan mengembalikan kepada Urusetia berkenaan. Tanpa borang ini mereka masih boleh memajukan sokongan ke atas Earth Hour dengan cara menghubungi "Urusetia Earth Hour Bandaraya Kota Kinabalu 201" melalui talian telefon atau mengisi borang yang disediakan dan dipaparkan dalam website DBKK <http://www.dbkk.sabah.gov.my> atau mengemel sokongan atau undian kepada [research@dbkk.sabah.gov.my](mailto:research@dbkk.sabah.gov.my) dengan memberikan maklumat seperti :-

Saya Menyokong Earth Hour dan akan melaksanakan

Nama Individu / Organisasi  
No. Tel :  
Alamat :

Kepada :-

Urusetia Earth Hour Bandaraya Kota Kinabalu 2011  
Jabatan Penyelidikan & Koordinasi, DBKK  
Tingkat 7, Bgn Centre Point  
88675 KOTA KINABALU  
No. Tel : 088-244000 No. Faks : 088-265104  
( Pegawai Penyelaras : Puan Salmah Batin, Puan Norasikin Suhairi, Kakitangan Jab. Penyelidikan & Koordinasi )

5. Data dan maklumat persetujuan sokongan ini akan dimasukkan dalam rekod Earth Hour dan juga sebagai publisiti yang menunjukkan jumlah organisasi dan warga bandaraya yang prihatin dalam menangani fenomena pemanasan global. Oleh itu, setiap satu sokongan ataupun undian kepada pelaksanaan Earth Hour ini akan memberi gambaran dan impak yang besar kepada awam dan penduduk dunia di luar sana. Maklumbalas **SEGERA** daripada YBhg. Datuk / Datin/ Tuan / Puan amatlah dihargai.

6. DBKK dan EAC mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi penghargaan atas kesudian YBhg. Datuk / Datin/ Tuan / Puan meluangkan masa untuk memberi sokongan kepada program ini dan berharap bantuan menyebarkan maklumat ini kepada kakitangan dan organisasi dalam kawalan YBhg. Datuk / Datin/ Tuan / Puan akan menjayakan lagi program ini.

Sekian, terima kasih.

( **DATUK ABIDIN MADINGKIR** )  
MAYOR  
BANDARAYA KOTA KINABALU



**DBKK**  
**DBKK**

Sb/sb....